

Dr. Aziah binti Ismail
[\(aziah@usm.my\)](mailto:aziah@usm.my)
Dr. Abdul Ghani Kanesan Abdullah
[\(agk@usm.my\)](mailto:agk@usm.my)
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia

Abstrak

Universiti Awam Malaysia mempunyai aspirasi pembangunan tertentu yang ingin diperkasa menerusi pelaksanaan rancangan pembangunan organisasi masing-masing. Namun demikian perubahan globalisasi dan tuntutan daripada pihak berkepentingan dewasa ini telah menyebabkan universiti awam Malaysia berhadapan dengan pelbagai faktor di persekitaran yang bertindak mempengaruhi serta mencabar matlamat pembangunan yang dirancang. Hal ini adalah kerana tekanan perubahan keperluan persekitaran mewujudkan pelbagai idea yang menuntut universiti membangun seiring dengan tuntutan keperluan tersebut (Kivinen & Rinne, 1991). Justeru kajian ini bertujuan untuk meneliti faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh Universiti Awam Malaysia dalam menentu dan memperkasa matlamat pembangunan organisasi masing-masing. Data bagi kajian ini telah diperoleh melalui kaedah tinjauan (survey), yang menggunakan soal selidik sebagai alat ukur kajian. Satu set soal selidik yang mengandungi 39 item telah diedarkan melalui pos kepada 715 orang responden yang terdiri daripada; i) Pihak pengurusan atasan universiti; ii) Dekan; iii) Timbalan dekan; iv) Ketua jabatan/ Koordinator program/ Penyelaras program/ Pengerusi rancangan di universiti-universiti awam Malaysia.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan rancangan pembangunan universiti awam Malaysia paling mengutamakan matlamat pembangunan bagi komponen program akademik, penyelidikan dan konsultasi, program pengajian pasca siswazah, pengajaran dan pembelajaran, dan hal ehwal pelajar. Analisis lanjutan mendapati bahawa wujud perbezaan yang signifikan bagi keutamaan semua komponen teras antara universiti awam. Dapatan kajian juga menunjukkan majoriti responden berpendapat bahawa faktor kerajaan kurang diambil kira dalam rancangan pembangunan universiti mereka. Sebaliknya, faktor-faktor lain seperti kepakaran akademik dalam dan luar universiti, tekanan permintaan pasaran, infrastruktur universiti, perkembangan sains dan teknologi, perkembangan pendidikan tinggi global dan peruntukan kewangan diambil kira dalam perancangan pembangunan universiti mereka. Tegasnya perbezaan faktor-faktor yang diambil kira dan diadaptasi oleh sebuah universiti merintis kepada perbezaan matlamat dalam pelaksanaan rancangan pembangunan antara universiti awam di Malaysia. Dapat dirumuskan bahawa matlamat pembangunan yang disasarkan oleh Universiti Awam Malaysia mempunyai perkaitan dengan faktor persekitaran yang diambil kira oleh organisasi tersebut. Hal ini yang telah merintis kepada perbezaan

Pengenalan

Pendidikan tinggi khususnya universiti membangun seiring dengan perkembangan peranan yang dimainkannya. Veysey (1965) dan Rhoades (1992) menyatakan bahawa hampir kesemua perubahan yang berlaku terhadap pendidikan tinggi terletak kepada tuntutan-tuntutan faedah oleh pihak-pihak yang berkepentingan terhadap peranan yang dimainkan oleh pendidikan tinggi seperti pihak pelanggan (pelajar dan majikan) (Ashby, 1973; Ishak, 1989); keperluan tenaga manusia negara dan permintaan sosial masyarakat (Ashby, 1973), yang menjurus kepada reformasi dalam institusi tersebut. Hal ini adalah kerana semua pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) melihat pendidikan tinggi dapat memenuhi keperluan mereka.

Universiti awam di Malaysia mempunyai aspirasi pembangunan tertentu yang ingin diperkasa melalui pelaksanaan rancangan pembangunan organisasi masing-masing. Namun demikian perubahan globalisasi dan tuntutan dari orang kepentingan dewasa ini telah menyebabkan universiti awam Malaysia berhadapan dengan pelbagai faktor di persekitaran yang bertindak mempengaruhi serta mencabar matlamat pembangunan yang dirancang. Hal ini adalah kerana tekanan perubahan keperluan persekitaran mewujudkan pelbagai idea yang menuntut universiti membangun seiring dengan tuntutan keperluan tersebut (Kivinen & Rinne, 1991).

Tinjauan literatur mendapati beberapa faktor yang berperanan mempengaruhi matlamat pembangunan sesebuah organisasi pendidikan tinggi adalah faktor internal dan eksternal organisasi tersebut. Faktor-faktor ini wujud kesan daripada keadaan persekitaran organisasi yang dinamik, yang sentiasa mengalami perubahan daripada semasa ke semasa (French & Bell, 1984). Faktor-faktor yang mempengaruhi pembangunan sesebuah organisasi pendidikan tinggi khususnya universiti ialah faktor kerajaan (Altbach, 1982; Clark, 1983; Ishak, 1989; Perkins, 1972; Sufean, 1994); kepakaran akademik dalam dan luar organisasi (Clark, 1983; Dill & Sporn, 1995; Veysey, 1965); tekanan permintaan pasaran terhadap organisasi (Clark, 1983; Dill & Sporn, 1995); kemudahan infrastruktur (Micheal, 1997; Perkins, 1972); perkembangan sains dan teknologi (Jasbir, 1991; Dill & Sporn, 1995; Sufean, 1994); trend perkembangan pendidikan tinggi global (Micheal, 1997; Mohamed Suffian, 1974; Kivinen & Rinne, 1991) dan peruntukan kewangan (Hussien, 2001; Jasbir, 1991; Perkins, 1972; Ylijoki, 2003). Kesemua faktor ini berinteraksi dan berintegrasi dalam mempengaruhi matlamat pembangunan sesebuah organisasi universiti.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneliti faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh universiti awam di Malaysia dalam menentu dan memperkasa matlamat pembangunan organisasi masing-masing.

[Click Here to upgrade to
Unlimited Pages and Expanded Features](#)

Data bagi kajian ini telah diperoleh melalui kajian tinjauan, yang menggunakan soal selidik sebagai alat ukur kajian. Satu set soal selidik yang mengandungi 39 item telah diedarkan melalui pos kepada 715 orang responden yang terdiri daripada: i) Pihak pengurusan atasan universiti; ii) Dekan; iii) Timbalan dekan; iv) Ketua jabatan/ koordinator program/ Penyelaras program/ Pengerusi rancangan di universiti-universiti awam di Malaysia.

Dapatan kajian

Dapatan bagi kajian ini adalah seperti berikut:

a) Matlamat Pembangunan Universiti Awam

Matlamat pembangunan universiti dibahagikan kepada sembilan komponen teras yang terdiri daripada komponen program akademik, penyelidikan dan konsultasi, program pendidikan pasca siswazah, pengajaran dan pembelajaran, pengurusan, sumber manusia, kewangan, infrastruktur dan pelajar. Jadual 1 menunjukkan keutamaan yang diberikan oleh universiti awam terhadap matlamat-matlamat bagi komponen-komponen tersebut dalam pembangunan organisasi masing-masing.

Jadual 1: Matlamat Pembangunan Universiti Awam

Matlamat Pembangunan Universiti	Tahap Keutamaan					Jumlah	
	1 (n, %)	2 (n, %)	3 (n, %)	4 (n, %)	5 (n, %)	min	sp
Program-program akademik yang ditawarkan seiring dengan keperluan dan kehendak semasa pihak yang berkepentingan terhadap universiti.	-	4 (1.40)	3 (1.00)	31 (10.50)	258 (87.20)	4.83	0.49
Menjadi universiti penyelidikan yang cemerlang di peringkat nasional dan antarabangsa.	1 (0.30)	3 (1.00)	8 (2.70)	54 (18.20)	230 (77.70)	4.72	0.60
Menjadi pusat kecemerlangan bagi pendidikan dan perkhidmatan program pasca siswazah.	-	5 (1.70)	20 (6.80)	87 (29.40)	184 (62.20)	4.52	0.70
Memperkuuhkan sistem pengajaran dan pembelajaran universiti.	3 (1.00)	1 (0.30)	21 (7.10)	63 (21.30)	208 (70.30)	4.59	0.73
Mewujudkan sistem pengurusan universiti yang cekap dan berkesan.	3 (1.00)	7 (2.40)	23 (7.80)	112 (37.80)	151 (51.00)	4.35	0.81
Menyediakan sumber manusia profesional dan ikhtisas yang berkualiti dan mencukupi untuk keperluan aktiviti-aktiviti akademik, pentadbiran dan	3 (1.00)	12 (4.10)	36 (12.20)	98 (33.10)	147 (49.70)	4.26	0.90

[Click Here to upgrade to
Unlimited Pages and Expanded Features](#)

Matlamat Pembangunan Universiti

pengurusan universiti.

Menjana dan menguruskan kewangan dengan cekap dan berkesan.

Tahap Keutamaan						Jumlah	min	sp
1 (n, %)	2 (n, %)	3 (n, %)	4 (n, %)	5 (n, %)				
-	16 (5.40)	50 (16.90)	118 (39.90)	112 (37.80)	4.10	0.87		

Menyediakan infrastruktur dan fasiliti yang lengkap dan memenuhi keperluan termasuk kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi.

2 (0.70)	13 (4.40)	50 (16.90)	97 (32.80)	134 (45.30)	4.18	0.91
-------------	--------------	---------------	---------------	------------------------	------	------

Melahirkan graduan-graduan yang berkualiti dalam akademik dan memiliki sahsiahan yang baik.

-	9 (3.00)	12 (4.10)	57 (19.30)	218 (73.60)	4.64	0.70
---	-------------	--------------	---------------	------------------------	------	------

Petunjuk:

- 1= Tidak Diutamakan
- 2= Kurang Diutamakan
- 3= Agak Diutamakan
- 4= Diutamakan
- 5= Paling Diutamakan

Berdasarkan Jadual 1, dapatan menunjukkan matlamat bagi majoriti komponen teras adalah paling diutamakan dalam pembangunan universiti awam di Malaysia. Peratusan persetujuan yang tinggi ditunjukkan pada matlamat bagi komponen program akademik iaitu 87.20%, diikuti oleh matlamat bagi komponen penyelidikan dan konsultasi (77.70%), matlamat bagi komponen pelajar (73.70%) dan matlamat bagi komponen pengajaran dan pembelajaran (70.30%). Walau bagaimanapun, majoriti responden iaitu 39.90% bersetuju bahawa matlamat bagi komponen kewangan adalah diutamakan dalam pembangunan universiti awam di Malaysia.

Berdasarkan dapatan ini, dapat disimpulkan bahawa universiti awam di Malaysia berusaha untuk membangun secara komprehensif dengan memberikan keutamaan kepada pembangunan semua komponen teras universiti. Hal ini kerana secara teorinya, pembangunan semua komponen teras adalah saling menyokong antara satu sama lain yang mana akhirnya menyumbang kepada pembangunan organisasi tersebut secara holistik.

b) Perbezaan Matlamat Pembangunan Antara Universiti

Universiti-universiti awam di Malaysia mempunyai sasaran matlamat pembangunan yang tertentu untuk dicapai dalam pelaksanaan rancangan pembangunan masing-masing. Sehubungan itu, Ujian Statistik ANOVA Sehala telah digunakan untuk melihat perbezaan matlamat pembangunan antara universiti-universiti awam di Malaysia. Perbezaan yang signifikan ditunjukkan oleh nilai nisbah F yang signifikan pada aras keertian 0.05, seperti dalam Jadual 2 berikut.

Matlamat Pembangunan	Nilai Nisbah F	Aras Signifikan
Program-program akademik yang ditawarkan seiring dengan keperluan dan kehendak semasa pihak yang berkepentingan terhadap universiti.	2.25	0.02*
Menjadi universiti penyelidikan yang cemerlang di peringkat nasional dan antarabangsa.	4.70	0.01*
Menjadi pusat kecemerlangan bagi pendidikan dan perkhidmatan program pasca siswazah.	2.49	0.01*
Memperkuuhkan sistem pengajaran dan pembelajaran universiti.	5.84	0.01*
Mewujudkan sistem pengurusan universiti yang cekap dan berkesan.	4.01	0.01*
Menyediakan sumber manusia profesional dan ikhtisas yang berkualiti dan mencukupi untuk keperluan aktiviti-aktiviti akademik, pentadbiran dan pengurusan universiti.	3.25	0.01*
Menjana dan menguruskan kewangan dengan cekap dan berkesan.	3.09	0.01*
Menyediakan infrastruktur dan fasiliti yang lengkap dan memenuhi keperluan termasuk kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi.	3.12	0.01*
Melahirkan graduan-graduan yang berkualiti dalam akademik dan memiliki sahsiah yang baik.	3.82	0.01*

* signifikan pada aras keertian 0.05

Berdasarkan Jadual 2, keputusan Ujian Statistik ANOVA Sehala menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara universiti-universiti awam di Malaysia bagi semua matlamat. Berdasarkan dapatan tersebut, dapat disimpulkan bahawa universiti-universiti awam di Malaysia menyasarkan matlamat pembangunan yang berbeza dalam pelaksanaan rancangan pembangunan organisasi masing-masing. Hal ini bermaksud, tiada uniformiti dalam penekanan terhadap matlamat pembangunan antara universiti-universiti awam di Malaysia. Secara teorinya, universiti awam di Malaysia mempunyai keutamaan tertentu dalam pembangunan organisasi masing-masing.

c) Faktor yang Diambil Kira dalam Pelaksanaan Rancangan Pembangunan Universiti

Jadual 3 menunjukkan faktor-faktor yang diambil kira dalam pelaksanaan rancangan pembangunan universiti secara menyeluruh. Secara puratanya, nilai min iaitu antara 3.15 hingga 4.13 di dalam jadual tersebut menunjukkan faktor-faktor tersebut adalah cenderung kepada kurang diambil kiraø dan diambil kiraø dalam pelaksanaan

[Click Here to upgrade to
Unlimited Pages and Expanded Features](#)

i secara menyeluruh di universiti awam. Walau menunjukkan terdapat beberapa faktor yang diambil kira dalam pelaksanaan rancangan pembangunan universiti awam.

Jadual 3: Faktor yang Diambil Kira dalam Pelaksanaan Rancangan Pembangunan Universiti

Faktor Diambil Kira dalam Pelaksanaan Rancangan Pembangunan Universiti	Tahap Faktor Diambil Kira					Jumlah	
	1 (n,%)	2 (n,%)	3 (n,%)	4 (n,%)	5 (n,%)	min	sp
Kerajaan	-	38 (12.80)	177 (59.80)	79 (26.70)	2 (0.70)	3.15	0.63
Kepakaran dalam dan luar universiti	-	-	23 (7.80)	211 (71.30)	62 (20.90)	4.13	0.52
Permintaan pasaran	-	6 (2.00)	116 (39.20)	170 (57.40)	4 (1.40)	3.58	0.56
Kemudahan infrastruktur	-	1 (0.30)	33 (11.10)	231 (78.00)	31 (10.50)	3.99	0.48
Perkembangan sains dan teknologi	-	-	26 (8.80)	233 (78.70)	37 (12.50)	4.04	0.46
Perkembangan pendidikan tinggi peringkat global	-	-	29 (9.80)	211 (71.30)	56 (18.90)	4.09	0.53
Kewangan	-	-	21 (7.10)	238 (80.40)	37 (12.50)	4.05	0.44

Petunjuk:

- 1= tidak berkaitan
- 2= tidak setuju
- 3= kurang setuju
- 4= setuju
- 5= sangat setuju

Merujuk kepada Jadual 3, didapati seramai 177 orang (59.80 peratus) responden berpendapat bahawa faktor kerajaan kurang diambil kira dalam pelaksanaan rancangan pembangunan universiti awam. Manakala bagi faktor-faktor yang lain, majoriti responden bersetuju bahawa faktor-faktor tersebut diambil kira dalam pelaksanaan pembangunan universiti awam di Malaysia. Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa universiti awam mengambil kira faktor kepakaran dalam dan luar universiti, permintaan pasaran, kemudahan infrastruktur, perkembangan sains dan teknologi, perkembangan pendidikan tinggi peringkat global dan kewangan dalam pelaksanaan rancangan pembangunan organisasi masing-masing. Walau bagaimanapun, universiti awam kurang mengambil kira faktor kerajaan dalam proses pelaksanaan rancangan pembangunan organisasi masing-masing.

Pembangunan Universiti dengan Faktor yang Rancangan Pembangunan Universiti Awam

Bahagian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang berkait dengan tahap keutamaan yang diberikan kepada matlamat pembangunan universiti awam. Ujian Statistik Korelasi Pearson telah digunakan untuk menguji korelasi antara variabel. Nilai pekali korelasi r yang signifikan pada aras keertian 0.01 (2-tailed) dan 0.05 (2-tailed) dalam Jadual 4 di halaman berikut menunjukkan perkaitan yang signifikan wujud antara faktor yang diambil kira dengan tahap keutamaan matlamat pembangunan universiti.

Jadual 4: Korelasi Antara Matlamat Pembangunan Universiti dengan Faktor yang Diambil Kira dalam Pelaksanaan Rancangan Pembangunan Universiti

Matlamat Pembangunan Universiti	Faktor yang Diambil Kira dalam Pelaksanaan Rancangan Pembangunan Universiti						
	Kerajaan	Kepakaran dalam dan luar universiti	Permitaan pasar an	Infrastruktur dan fasiliti	Perkembangan sains dan teknologi	Perkembangan pendidikan tinggi global	Kewangan
	Nilai r	Nilai r	Nilai r	Nilai r	Nilai r	Nilai r	Nilai r
Program-program akademik yang ditawarkan seiring dengan keperluan dan kehendak semasa pihak yang berkepentingan terhadap universiti.	-0.02	0.22**	0.20**	0.26**	0.15*	0.22**	0.04
Menjadi universiti penyelidikan yang cemerlang di peringkat nasional dan antarabangsa.	-0.06	0.13*	0.03	0.14*	0.06	0.19**	0.03
Menjadi pusat kecemerlangan bagi pendidikan dan perkhidmatan program pendidikan pasca siswazah.	-0.01	0.17**	0.09	0.17**	0.16**	0.24**	0.07
Memperkuuhkan sistem pengajaran dan pembelajaran universiti.	0.08	0.19**	0.23**	0.17**	0.13*	0.18**	-0.01
Mewujudkan sistem pengurusan universiti yang cekap dan berkesan.	0.06	0.19**	0.16**	0.13*	0.11	0.21**	0.01
Menyediakan sumber manusia profesional dan ikhtisas yang berkualiti dan mencukupi untuk keperluan aktiviti-aktiviti akademik, pentadbiran dan pengurusan universiti.	-0.01	0.19**	0.19**	0.21**	0.12*	0.29**	-0.04
Menjana dan menguruskan kewangan dengan cekap dan berkesan.	0.09	0.29**	0.26**	0.19**	0.19**	0.34**	0.07
Menyediakan infrastruktur dan fasiliti yang lengkap dan memenuhi keperluan termasuk kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi.	0.02	0.29**	0.23**	0.22**	0.17**	0.33**	-0.02
Melahirkan graduan-graduan yang berkualiti dalam akademik dan memiliki sahsiah yang baik.	-0.01	0.18*	0.23**	0.18**	0.18**	0.26**	-0.01

P= aras signifikan

** signifikan pada aras keertian 0.01 (2-tailed)

* signifikan pada aras keertian 0.05 (2-tailed)

Kira permintaan muraah mengenai dapatan ini dihuraikan seperti berikut:-

- Terdapat korelasi yang rendah tetapi signifikan antara program akademik yang seiring dengan keperluan semasa dengan faktor kepakaran ($r=0.22$); permintaan pasaran ($r=0.20$); infrastruktur dan fasiliti (0.26) dan; perkembangan pendidikan tinggi global ($r=0.22$). Hal ini bermaksud universiti yang mengambil kira faktor kepakaran dalam dan luar universiti, permintaan pasaran, infrastruktur dan fasiliti serta perkembangan pendidikan tinggi global adalah juga universiti yang dapat menawarkan program akademik yang berkualiti dan seiring dengan trend perkembangan keperluan semasa.
- Terdapat korelasi tahap rendah tetapi signifikan antara matlamat universiti untuk pusat kecemerlangan bagi program pendidikan pasca siswazah dengan faktor perkembangan pendidikan tinggi global ($r=0.24$). Hal ini bermaksud universiti yang mengambil kira faktor perkembangan pendidikan tinggi global adalah universiti yang menjadi pusat kecemerlangan bagi program pendidikan pasca siswazah.
- Terdapat korelasi yang rendah tetapi signifikan antara matlamat universiti menyediakan sistem penyampaian yang berkualiti dengan faktor permintaan pasaran ($r=0.23$). Hal ini bermaksud universiti yang mengambil kira faktor permintaan pasaran adalah universiti yang dapat menyediakan sistem penyampaian ilmu yang berkualiti.
- Terdapat korelasi yang rendah tetapi signifikan antara matlamat mewujudkan sistem pengurusan yang berkualiti dengan faktor perkembangan pendidikan tinggi global ($r=0.21$). Hal ini bermaksud universiti yang mengambil kira faktor perkembangan pendidikan tinggi global adalah universiti yang dapat mewujudkan sistem pengurusan yang berkualiti.
- Terdapat korelasi yang rendah tetapi signifikan antara matlamat menyediakan sumber manusia yang mencukupi dan berkualiti dengan faktor infrastruktur dan fasiliti ($r=0.21$) dan perkembangan pendidikan tinggi global ($r=0.29$). Hal ini bermaksud universiti yang mengambil kira faktor infrastruktur dan fasiliti serta perkembangan pendidikan tinggi global dalam pelaksanaan rancangan pembangunannya adalah universiti yang dapat menyediakan tenaga kerja yang mencukupi dan berkualiti.
- Terdapat korelasi yang rendah tetapi signifikan antara matlamat menjana dan menguruskan kewangan dengan cekap dan berkesan dengan faktor kepakaran dalam dan luar universiti ($r=0.29$) dan faktor permintaan pasaran ($r=0.23$). Hal ini bermaksud universiti yang mengambil kira faktor kepakaran dalam dan luar universiti dan faktor permintaan pasaran adalah universiti yang dapat menjana dan menguruskan kewangannya dengan cekap dan berkesan.
- Terdapat korelasi yang rendah tetapi signifikan antara matlamat menyediakan infrastruktur yang lengkap dan berkualiti dengan faktor kepakaran dalam dan luar universiti ($r=0.29$), permintaan pasaran ($r=0.23$), infrastruktur dan fasiliti ($r=0.22$) dan perkembangan pendidikan tinggi global ($r=0.33$). Hal ini bermaksud universiti yang mengambil kira faktor kepakaran dalam dan luar universiti,

strukturnya dan fasiliti serta perkembangan pendidikan universiti yang dapat menyediakan infrastruktur yang lengkap dan berkualiti.

- Terdapat korelasi yang rendah tetapi signifikan antara matlamat melahirkan graduan yang berkualiti dan bersahsiah baik dengan faktor permintaan pasaran ($r=0.23$) dan perkembangan pendidikan tinggi global ($r=0.26$). Hal ini bermaksud universiti yang mengambil kira faktor permintaan pasaran dan perkembangan pendidikan tinggi global adalah universiti yang dapat menghasilkan graduan yang berkualiti dan bersahsiah baik.

Justeru, dapat dirumuskan berdasarkan nilai korelasi yang ditunjukkan dalam Jadual 4 bahawa keutamaan yang diberikan bagi matlamat pembangunan tertentu oleh universiti awam dalam pelaksanaan rancangan pembangunan organisasi masing-masing berkait dengan faktor-faktor tertentu meliputi kepakaran dalam dan luar universiti, permintaan pasaran, kemudahan infrastruktur universiti, perkembangan bidang sains dan teknologi dan perkembangan pendidikan tinggi global.

Kesimpulan

Secara teorinya dapat dikatakan bahawa wujud integrasi antara keutamaan bagi matlamat pembangunan dengan faktor tertentu yang diambil kira, atau keutamaan bagi satu matlamat pembangunan universiti awam disokong dengan selari oleh faktor-faktor tertentu yang diambil kira dalam pelaksanaan rancangan pembangunan universiti awam di Malaysia.

Bibliografi

- Altbach, P. G. (1982). *Higher education in the Third World: themes and variations*. Singapore: Maruzen Asia Pte. Ltd.
- Ashby, E. (1973). The structure of higher education: A world view. *Higher Education*, 2, 142-151.
- Clark, B.R. (1983). *The higher education system: Academic organization in cross national perspective*. London: University Of California Press.
- Dill, D. D., & Sporn, B. (1995). The Implication of a Postindustrial Environment for the University: An Introduction. Dalam D. D. Dill, & B. Sporn (Eds.), *Emerging patterns of social demand and university reform: Through a glass darkly* (hlm. 1-19). Oxford: IAU Press Pergamon.
- French, W. L., & Bell, C. H. (1984). *Organizational development: Behavioral science interventions for organization improvement* (3rd ed.). New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Hussien bin Hj. Ahmad (2001). *Mandat UNESCO dan cabaran globalisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

[Click Here to upgrade to
Unlimited Pages and Expanded Features](#)

masaian penatakan, 15, 25-39.

of the government in higher education in Malaysia.

Jasbir Sarjit Singh (1991). Higher education and development: The experience of four newly industrializing countries in Asia. *Prospect, XXI (3)*, 387-400.

Kivinen, O., & Rinne, R. (1991). Changing higher-education policy: Three western models. *Prospect, XXI(3)*, 421-429.

Micheal, S. O. (1997). American higher education system: Consumerism versus professionalism. *International Journal of Educational Management, 11(3)*, 117-130.

Mohammad Suffian bin Hashim (1974). The growth of university education in Malaysia. Dalam Amnuey Tapingkae (Ed.). *The growth of Southeast Asia universities: Expansion versus consolidation* (hlm. 39-58). Singapore:RIHED.

Perkins, J. A. (1972). The drive for coordination. Dalam J.A., Perkins, & B.B., Israel (Eds.), *Higher education: From autonomy to systems* (hlm. 4-14). Washington: Voice Of America.

Sufean bin Hussin (1994). *National priorities and higher education in The United State: An historical analysis 1945-1990*. Disertasi yang tidak diterbitkan, University Of Oregon, Oregon.

Veysey, L. R. (1965). *The Emergence of The American University*. Chicago & London: The University of Chicago Press.

Ylijoki, Oili-Helena (2003). Entangled in academic capitalism? A case-study on changing ideals and practices of university research. *Higher Education, 45(3)*, 307-335.